

Kediaman disah tidak selamat

10 unit rumah mangsa mendapan Kampung Pindah perlu dirobohkan

HIDAYAH HAIROM

KAMPUNG BARU - Unit-unit rumah di Kampung Pindah di sini, yang dikenal pasti rosak dan dalam keadaan tidak selamat tetap perlu dikosongkan segera bagi membolehkan ia dirobohkan pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

Tindakan itu perlu dilakukan bagi memberi laluan kepada kerja-kerja pembaikan dan menstabilkan kawasan tersebut.

Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Adnan Md Ikhsan berkata, kerja-kerja pembaikan perlu dibuat secepat mungkin bagi mengelakkan keadaan bertambah kritikal dan lebih banyak unit



ADNAN

rumah terlibat.

Menurutnya, setakat ini, 10 unit dikenal pasti kritikal dan perlu dirobohkan, bagaimanapun empat darinya akan dikaji semula.

Katanya, ia akan diputuskan oleh pihak JPS dan Institut Kerja Raya Malaysia (Ikram) dalam tempoh seminggu lagi.

"Unit-unit rumah yang dirobohkan akan dibina semula

Penduduk dibantu

Pindah akibat tanah mendap terima bantuan RM1,00



Laporan Sinar harian 26 Ogos lalu.

selepas kawasan distabilkan dan ia mengambil masa setahun sebelum penduduk terlibat boleh berpindah semula.

"Berkenaan urusan penyimpanan harta benda penduduk terlibat, ia akan diurus-

kan bersama pihak Lembaga Pentadbir Penempatan Pertanian Melayu (Mas).

"Penduduk juga diharapkan dapat bekerjasama memastikan segala urusan berjalan lancar," katanya pada Sidang

Media di Pejabat Perbadanan Pembangunan Kampung Bharu, di sini, semalam.

Hadir sama, Pengarah JPS Wilayah Persekutuan, Abu Bakar Mohd Yusof dan wakil Mas, Perbadanan Pembangunan Kampung Bharu, Ikram serta DBKL.

Sesi soal jawab antara penduduk terlibat turut berlangsung dan beberapa isu dibangkitkan antaranya berhubung jaminan keselamatan berbentuk hitam putih bagi unit-unit dikenal pasti tidak kritikal.

Sehubungan itu Adnan berkata, pihak Ikram akan membuat penelitian semula secara keseluruhan sebelum surat jaminan dikeluarkan oleh JPS.

Sementara itu, Abu Bakar berkata, kerja-kerja pembaikan

yang akan dilakukan melibatkan kerja-kerja pembersihan palong dan juga pengukuhan tanah.

Katanya, ia bagi memastikan kejadian mendapan tidak berulang sementara projek mengalihkan aliran bagi jangka panjang siap dalam tempoh dua hingga tiga tahun.

"Untuk jangka panjang kita akan tutup palong daripada adanya aliran kita akan lencongan melalui alternatif lain yang akan dibina bermula tahun hadapan," katanya.

Lebih RM200,000 diperlukan bagi pembaikan melibatkan jalan mendap, namun, kos keseluruhan termasuk kos membina semula rumah yang akan dirobohkan masih belum ditentukan kerana masih menunggu hasil penelitian Ikram dalam tempoh seminggu.